



Kesan lebam di tangan mangsa dipercayai didera ibu tirinya.

# Didera ketika bapa tiada

Sinar 17/8/12  
M 3.

**DIKOTA TINGGI**, Johor seorang kanak-kanak berusia tujuh tahun mendakwa dia didera ibu tiri ketika bapanya tiada di rumah pada malam 14 Ogos lalu.

Menurut sumber, kanak-kanak berkenaan yang dikatakan sering dimarahi dan menjadi mangsa dera ibu tirinya, telah menceritakan kejadian itu kepada rakan sekolah sehingga diketahui gurunya.

"Pada malam kejadian, bapa mangsa keluar ke kedai di taman perumahan mereka. Selepas didera ibu tirinya, mangsa diancam supaya tidak memberitahu perkara itu kepada sesiapa.

"Mangsa adalah anak bongsu daripada dua beradik dan dipercayai abangnya yang berusia 11 tahun, turut menerima nasib sama dengannya," katanya kepada *Sinar Harian*, kelmarin.

Katanya, abang mangsa sudah tiga kali lari dari rumah kerana tidak tahan didera.

Difahamkan, abang mangsa kini ditempatkan di rumah datuknya sejak minggu lalu, manakala ibu kandung mangsa adalah seorang mualaf dan telah bercerai dengan bapa mereka.

Berikutan kejadian itu, pihak sekolah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuat laporan polis dan menghantar mangsa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Pegawai JKM Kota Tinggi, Sabariah Salim berkata, mangsa telah dihantar ke Hospital Kota Tinggi dan kemudian dirujuk ke Hospital Sultan Ismail untuk rawatan lanjut berhubung kecederaan pada tubuhnya.

Menurutnya, terlalu awal untuk menyatakan tindakan selanjutnya terhadap mangsa, namun langkah pertama JKM adalah menyelamatkan mangsa daripada terus didera dengan menempatkannya di lokasi selamat.

"Mangsa kini di bawah pengawasan JKM hingga siasatan selesai dijalankan," katanya.

Manakala, Ketua Polis Daerah Kota Tinggi,

Superintendan Che Mahazan Che Aik turut mengesahkan laporan tersebut.

Menurutnya, mangsa mempunyai kesan kecederaan di beberapa bahagian tubuh terutamanya di punggung.

"Siasatan akan dijalankan dengan mengambil keterangan daripada pihak terbabit termasuk laporan perubatan, keluarga mangsa, guru dan kanak-kanak itu sendiri," katanya.



Kesan pukulan menggunakan penyangkut baju dapat dilihat dengan jelas.